

## **PACAT KEPALA MERAH**

Garnet Pitta

FAMILI: Pittidae

NAMA SAINTIFIK: *Pitta granatina*

### **CIRI-CIRI**

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai bahagian tepi kepala dan tekak yang berwarna hitam, bahagian atas dan belakang kepala berwarna kemerahan terang dan di bahagian perut dan bawah tongkeng pula berwarna merah tua. Terdapat jalur halus berwarna biru pudar di bahagian belakang atas kepala, bahagian atas badan berwarna ungu pekat, dada berwarna hitam keunguan manakala di bahagian sayap terdapat warna biru lusuh.

### **SAIZ**

Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 14-16.5 sm.

### **MAKANAN**

Makanan utama spesies ini terdiri daripada buah-buahan dan juga haiwan kecil seperti siput.

### **HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap hutan tanah pamah. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 300 m dari aras laut.

### **BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi siulan satu nada. Kadang kala, ia mengeluarkan bunyi *prrr prrr prrr*... apabila ia terasa dirinya terancam.

### **PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah dari bulan Mac-Ogos. Sarang adalah berbentuk kubah dan di bina di atas tanah. Burung betina boleh menghasilkan sehingga 2 biji telur pada setiap kali musim pembiakan. Warna telur adalah putih berkilat dengan terdapat bintik-bintik yang berwarna coklat-merah jambu dan juga coklat pekat. Anggaran saiz bagi telur adalah 26-27 x 20-21 mm.

### **STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.